

PERANAN RISDA DALAM MENINGGIKAN TARAF SOSIO-EKONOMI
PEKEBUN-PEKEBUN KECIL.

KAJIAN KES : KAMPUNG OLAK LEMPIT

NORAZAAI BINTI HAJI TAHIR

Latihan ilmiah bagi memenuhi sebahagian daripada keperluan ijazah Sarjana Muda Sastera, di Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang.

Penghargaan.

Laporan ini adalah untuk keperluan Sarjana Muda Sastera bagi pengkhususan dalam bidang geografi. Saya telah memilih Kampung Olak Lempit, Banting, Selangor sebagai kawasan kajian saya.

Di sini ingin saya mengucapkan ribuan terima kasih yang tidak terhingga kepada En. Hassan Naziri yang telah memberi bimbingan dan tunjuk ajar yang begitu berfaedah sekali di dalam usaha saya menyelesaikan laporan ini.

Dalam menjalankan kajian saya telah sempat beramah mesra dengan penduduk-penduduk Kampung Olak Lempit, yang telah memberikan kerjasama yang amat memuaskan. Kepada mereka semua saya mengucapkan ribuan terima kasih.

Tidak ketinggalan juga, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pegawai dan kakitangan Risda, kakitangan Pejabat Daerah Kuala Langat, Ketua Kampung Olak Lempit dan juga kepada pemaju-pemaju masyarakat, yang telah memberikan kerjasama dalam mana saya menjalankan kajian ini.

Akhir sekali mengucapkan ribuan terima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan yang telah memberikan pertolongan, dorongan serta semangat kepada saya, sehingga membolehkan saya menyiapkan laporan ini dengan penuh keyakinan.

Segala segala kelemahan dan kesilapan yang mungkin terdapat di dalam laporan ini adalah tanggungjawab saya.

Wassalam.

Bahagian Geografi,
Pusat Pengajian Ilmu Kemanusiaan,
Universiti Sains Malaysia.
Feb. 1983.

Abstrak.

Risda adalah merupakan sebuah badan kerajaan yang bertanggung-jawab untuk membawa pemodenan kepada pekebun-pekebun kecil getah bagi meningkatkan lagi taraf pembangunan ekonomi dan sosial pekebun-pekebun kecil getah itu sendiri. Pada hari ini getah adalah merupakan eksport bahan mentah yang utama bagi Malaysia. Kira-kira 50% daripada getah yang dieksport adalah datang daripada pekebun-pekebun kecil yang memiliki kira-kira 65% daripada keluasan kebun getah, berbanding dengan kira-kira 35% sahaja yang dimiliki oleh ladang-ladang, tetapi ia juga menyumbangkan 50% daripada keseluruhan eksport getah. Maka sewajarnya pihak kerajaan mengambil berat tentang pembangunan pekebun-pekebun kecil getah memandangkan kepada kurangnya pengeluaran getah pekebun-pekebun kecil getah, kerana ini akan memberi kesan juga kepada keadaan sosio-ekonomi pekebun-pekebun kecil tersebut.

Kajian ini telah dijalankan dengan menggunakan 65 responden yang terdiri daripada pekebun-pekebun kecil getah. Ianya dilakukan dengan menyediakan soalan-soalan terlebih dahulu dan kemudian pengkaji akan pergi dari rumah ke rumah untuk mendapatkan jawapan yang tepat. Selain daripada itu maklumat-maklumat juga didapati daripada pihak-pihak yang tertentu seperti pihak Risda, Ketua Kampung, Pejabat Daerah dan lain-lain lagi. Juga melalui pembacaan-pembacaan dari buku-buku, majallah-majallah dan juga potongan-potongan akhbar. Setelah semuanya didapati, maka barulah dibuat penganalisan.

Kajian saya ini telah dijalankan di kampung Olak Lempit di Selangor iaitu sebuah kampung yang kebanyakannya adalah pekebun-pekebun kecil getah. Namun demikian setelah terdapatnya projek tanaman semula yang diperkenalkan dan ditunjuk ajar serta bantuan dari pihak Risda, maka banyak daripada pokok-pokok getah yang telah ditebang dan diganti dengan tanaman lain yang lebih mendatangkan keuntungan bagi pihak pekebun kecil. Namun, getah juga masih di tanam oleh pekebun-pekebun kecil getah.